

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2004
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan “Selamat Tahun Baru Masihi 2004” kepada semua warga perkhidmatan awam di seluruh negara termasuk mereka yang bertugas di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.


Dengan tulus ikhlas, Jabatan Perdana Menteri merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas taat setia dan sokongan padu yang berterusan diberikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga sumbangan khidmat bakti secara jujur, ikhlas, amanah dan penuh dedikasi oleh warga perkhidmatan awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2003.

Kerjasama dan sokongan yang di berikan telah menyumbangkan kepada keamanan, kesejahteraan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat dan penduduk secara berterusan, di samping dapat menggerakkan jentera pentadbiran kerajaan dengan sempurna.

Bagi Tahun 2004 ini, Jabatan Perdana Menteri berharap semua agensi-agensi Kerajaan akan mensejajarkan misi, visi dan matlamat masing-masing iaitu meneruskan usaha-usaha yang telah kita mulakan pada tahun 2003 yang lalu. Melalui pensejajaran, di samping dapat menyediakan rancangan strategik, agensi-agensi kerajaan akan dapat memberikan sokongan dan kerjasama yang padu kearah pelaksanaan dasar dan matlamat serta perancangan kemajuan dan pembangunan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Demikian juga, diharapkan setiap agensi Kerajaan akan lebih serius dalam melaksanakan dasar ‘100 jam latihan’ (100 training hours) bagi meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran setiap anggota perkhidmatan awam.

Kita juga perlu untuk mempergiatkan pelaksanaan program-program e-Kerajaan yang mana tempoh bagi pelaksanaan program tersebut di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-8 ini akan berakhir pada tahun 2005. Melalui program-program e-Kerajaan kita berharap agensi-agensi Kerajaan akan dapat memperbaiki lagi proses-proses pengurusan dan pentadbiran masing-masing agar lebih efisien, efektif, telus (*transparent*), mesra pelanggan (*user friendly*), dan lebih produktif. Justeru itu, agensi-agensi Kerajaan hendaklah memberi keutamaan dalam menjayakan pelaksanaan program ini.



Demikain juga, mulai tahun 2004 ini, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan hendaklah memastikan Unit-Unit Audit Dalaman masing-masing berjalan dengan lincin. Dengan adanya audit dalaman ini, kita berharap kes-kes penyelewengan kewangan Kerajaan akan dapat dielakkan serta kutipan hasil Kerajaan akan lebih berkesan lagi.

Di kesempatan ini juga, Jabatan Perdana Menteri sukacita mengingatkan semua warga perkhidmatan awam untuk sentiasa sama-sama mendokong usaha-usaha ke arah merealisasikan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 serta mengamalkan nilai-nilai murni etika kerja seperti yang disarankan dalam Buku Etika Kerja Perkhidmatan Awam dan sentiasa meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Warga perkhidmatan awam adalah juga di sarankan untuk sentiasa menjaga imej dan integriti perkhidmatan awam dengan melaksanakan Tekad Pemedulian Orang Ramai dengan lebih komited, jujur, ikhlas dan penuh amanah.

Akhirnya, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan semoga sepanjang tahun 2004 ini akan menyaksikan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam yang terus maju, berwibawa, cemerlang, produktif, inovatif, bertanggungjawab dan menitikberatkan kesejahteraan orang ramai. Didoakan semoga semua anggota perkhidmatan awam akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah serta rahmat Allah Subhanahu Wataala. Amin.

Sekian.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]
Seriausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (01)JPM/SK/2004
Tarikh: 10 Zulkaedah 1424
03 Januari 2004